



**UHMS1182 (PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN)**

**SEMESTER 1, 2020/2021**

**TUGASAN INDIVIDU: REFLEKSI**

**NAMA: MEK ZHI QING**

**NO. MATRIK: A20EC0077**

**DISERAHKAN KEPADA:**

**DR. ANA HAZIQAH A RASHID**

**SKEMA PERMARKAHAN (DIISI OLEH PENSYARAH)**

<b>KRITERIA</b>	<b>MARKAH</b>
KANDUNGAN	/20
SUSUNAN/STRUKTUR	/5
CARA PENULISAN	/5
<b>TOTAL</b>	<b>/30</b>

## REFLEKSI BAB 1: PENGENALAN ILMU ETIKA DAN PERADABAN

i.




- ii. Melalui bab ini, saya telah mempelajari konsep etika dari perspektif yang berlainan berdasarkan peradaban Arab, Cina, India dan Barat. Kesemua konsep ini sebenarnya sama dari sudut moral iaitu etika penting dalam menggambarkan atau menentukan kelakuan manusia sama ada betul atau salah. Saya juga memahami bahawa etika merupakan sistem moral yang penting dan harus diamalkan oleh setiap individu sebagai panduan dalam kehidupan.
- iii. Bab ini telah membantu saya dengan memberi informasi tentang interpretasi etika daripada tamadun yang berlainan. Dengan ini, saya dapat memahami bahawa walaupun setiap tamadun mempunyai budaya dan agama yang berbeza tetapi mereka mempunyai pandangan yang hampir sama terhadap etika dan kepentingannya dalam kehidupan harian.

- iv. Setelah belajar bab ini, saya telah mengetahui kepentingan etika terhadap diri sendiri, masyarakat serta negara. Oleh itu, saya akan sentiasa mengingati diri supaya sentiasa membezakan antara kebaikan dan keburukan serta menjadikan etika sebagai panduan hidup saya. Dengan ini, saya dapat mempengaruhi rakan saya dan seterusnya membentuk masyarakat yang beretika.
- v. Bab ini telah memberi kesan kepada saya dari sudut intelektual serta psikologi apabila saya mempelajari ilmu yang baharu iaitu etika yang sebelum ini saya tidak faham secara keseluruhan. Saya juga mengetahui kepentingan etika yang mempengaruhi saya dalam memikir dan membuat keputusan pada masa yang akan datang.

## REFLEKSI BAB 2: TEORI ETIKA

i.




- ii. Melalui bab ini, saya telah mempelajari dua jenis teori etika yang berlainan iaitu teori etika klasik dan teori etika moden serta kegunaan teori etika dalam kehidupan harian. Saya setuju dengan aliran utilitarianisme yang terkandung dalam teori teologi yang menumpu untuk melakukan sesuatu tindakan untuk membawa kebaikan kepada orang lain dan tidak hanya memberi tumpuan kepada diri sendiri.
- iii. Bab ini telah memberi informasi tentang etika daripada pelbagai perspektif agama dan budaya kerana setiap teori etika berasal dan diasaskan di tempat yang berlainan. Saya juga dapat memahami bahawa walaupun berasal dari tempat yang berlainan tetapi teori-teori tersebut membawa maksud yang hampir sama iaitu tentang apa yang harus dilakukan oleh manusia dan kesan yang akan didatangkan. Perbezaan

budaya dan agama akan menyebabkan mereka mempunyai teori yang berlainan tetapi tidak membawa sebarang keburukan.

- iv. Melalui bab ini, saya dapat mengaplikasikan nilai-nilai yang terdapat dalam teori ke dalam kehidupan harian saya. Contohnya, saya akan sentiasa mengingati diri tindakan yang dibuat oleh saya akan mendatangkan kesan kepada saya sama ada baik atau buruk. Oleh itu, saya perlulah berfikir sebelum membuat sesuatu tindakan. Dengan ini, saya dapat mengurangkan peluang saya melakukan tindakan yang salah.
- v. Bab ini telah memberikan kesan kepada saya dengan mengubah pemikiran saya yang selalu memikirkan kepentingan diri sendiri dan mengetepikan kepentingan orang lain. Setelah mempelajari bab ini, saya faham bahawa tanggungjawab yang harus dijalankan oleh saya serta berfikir dari pandangan yang berlainan untuk membantu orang lain. Hal ini kerana membantu orang lain mungkin dapat membawa kebahagiaan kepada dua pihak dan lebih baik daripada saya mendapat kebahagiaan sahaja.

## **REFLEKSI BAB 3: ETIKA DAN PERADABAN DALAM KEPELBAGAIAN TAMADUN (ISLAM DAN MELAYU)**

i.




ii. Setelah mempelajari bab ini, saya telah mengenali pelbagai nilai dan moral yang diamalkan dalam peradaban yang berlainan. Contohnya dalam tamadun Islam, saya telah mengenali nilai tolong-menolong. Dalam tamadun ini, semua individu diwajipkan untuk menolong orang lain termasuklah keluarga, jiran sesama Islam dan jiran bukan Islam. Dalam tamadun Melayu pula, saya belajar nilai menghormati terutamanya menghormati ibu bapa dan orang tua. Setiap peradaban mempunyai nilai etika yang tersendiri dan harus dipelajari oleh saya dalam kehidupan harian.

- iii. Bab ini telah membantu saya dengan memberikan informasi berkaitan latar belakang setiap tamadun dan nilai etika yang terkandung dalam setiap tamadun. Setelah mempelajari bab ini, saya mendapati bahawa walaupun berlainan agama dan budaya, tamadun Melayu dan Islam mempunyai kesamaan dalam pengamalan nilai etika seperti menghormati orang tua, amanah dan tolong-menolong.
- iv. Bab ini telah berjaya membantu saya dengan menerapkan nilai-nilai etika dalam kehidupan harian saya. Selepas belajar bab ini saya telah mengenali nilai baharu iaitu mempertahankan serta membela keadilan & kebenaran. Dalam tamadun Melayu, seseorang individu haruslah berani menegakkan keadilan dan menyuarakan kebenaran. Saya berharap saya dapat mempelajari nilai etika ini dan berani untuk bersuara untuk mewujudkan masyarakat yang adil.
- v. Melalui bab ini, saya telah menyedari bahawa nilai etika amat penting kerana setiap tamadun mempunyai nilai etika yang tersendiri demi mencapai keharmonian hidup. Hal ini telah mempengaruhi saya agar sentiasa membuat sesuatu tindakan berdasarkan nilai etika. Saya juga ingin mengubah fikiran saya yang tidak berani untuk membantah dan berusaha untuk menegakkan keadilan.

## REFLEKSI BAB 4: ETIKA DAN PERADABAN DALAM KEPELBAGAIAN TAMADUN

### (CINA, INDIA DAN BARAT)

i.



- ii. Setelah mempelajari bab ini, saya telah mengenali lebih mendalam tentang nilai etika tamadun Cina, India dan Barat. Dalam tamadun Cina, mereka mengamalkan lima sifat mulia yang dikenali sebagai wu chang. Menurut wu chang, individu haruslah sentiasa bersopan santun dan bijak dalam membuat keputusan. Tamadun India dan Barat pula membawa nilai etika yang berlainan seperti meraikkan tetamu, konsep "arte" yang bermaksud kebaikan dan konsep "time" yang bermaksud kehormatan.
- iii. Melalui bab ini, saya terdedah dengan latar belakang peradaban, sumber rujukan nilai etika serta nilai etika yang diamalkan di tamadun Cina, India dan Barat. Dengan ini, saya dapat

memahami kesemua informasi tersebut daripada perspektif budaya dan agama yang berlainan. Informasi daripada pelbagai perspektif budaya dan agama amat penting bagi saya untuk memahami lebih mendalam tentang tajuk ini.

- iv. Bab ini telah membantu saya dengan memperkenalkan nilai etika yang baru dan membolehkan saya amalkan nilai etika tersebut dalam kehidupan harian. Contohnya dalam tamadun India, mereka mengamalkan nilai etika meraikkan tetamu. Walaupun tetamu merupakan musuh, tuan rumah tetap perlu menjemput dan melayannya dengan baik. Saya berharap saya dapat mempelajari nilai etika ini dan tidak berdendam dengan sesiapa.
- v. Melalui bab ini, saya telah menyedari bahawa nilai etika amat penting kerana kesemua tamadun seperti Barat, Islam, dan Cina mempunyai nilai etika sendiri. Hal ini telah menjadikan saya lebih menumpu kepada pengamalan nilai etika dalam kehidupan saya. Saya juga ingin mengubah fikiran saya yang tidak melayan musuh dan berusaha menjalin hubungan yang baik dengan semua orang.

## REFLEKSI BAB 5: PEMANTAPAN KESEPADUAN NASIONAL MELALUI ETIKA & PERADABAN

i.




- ii. Melalui bab ini, saya dapat mempelajari nilai perpaduan. Perpaduan amat penting bagi sesebuah negara dan rakyat haruslah sentiasa menghormati antara satu sama lain untuk mengelakkan kewujudan koflik yang akan menjelaskan perpaduan. Di negara Malaysia, banyak langkah telah diambil untuk mewujudkan perpaduan seperti penggunaan bahasa kebangsaan iaitu Bahasa Melayu.
- iii. Dalam bab ini, saya telah memperolehi informasi tentang kesepaduan daripada pelbagai pandangan tokoh sosiologi. Tokoh sosiologi yang berasal dari tempat yang berlainan telah mengemukakan pandangan mereka dari perspektif budaya dan agama masing-masing. Topik ini juga membincangkan kesepaduan sosial di Malaysia yang melibatkan pelbagai kaum seperti Cina, Melayu dan India. Dengan

- ini, saya dapat mengetahui punca berlakunya konflik dan langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu etika ini.
- iv. Bab ini telah membolehkan saya mengetahui kepentingan kesepaduan sosial bagi sesebuah masyarakat atau negara. Oleh itu, saya akan sentiasa menghormati budaya dan adat resam kaum lain untuk mengelakkan berlakunya konflik disebabkan oleh perselisihan faham. Saya juga akan mengelakkan proses sosialisasi iaitu menanam nilai-nilai negatif terhadap kaum lain. Tindakan ini akan mejejaskan kesepaduan sosial dan sukar untuk membentuk sebuah negara bangsa yang harmoni dan bersepadu.
- v. Setelah mempelajari bab ini, saya dapat mengetahui konsep kesepaduan sosial dan kepentingan konsep ini terhadap sesebuah negara sehingga pelbagai langkah diambil demi mencapainya. Dengan ini, saya akan berusaha untuk menggunakan bahasa kebangsaan dalam kehidupan harian saya dan berusaha untuk memahami budaya kaum lain yang sebelum ini tidak difahami oleh saya.

## REFLEKSI BAB 6: PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TIANG SERI ETIKA DAN PERADABAN DI MALAYSIA

i.



ii. Saya telah mempelajari nilai kerjasama daripada bab ini. Dalam bab ini, pemimpin negara telah bekerjsama untuk membantah dan membebaskan Tanah Melayu daripada jajahan kuasa asing. Kerjasama wujud di antara pemimpin semua kaum dapat dibuktikan apabila Parti Perikatan telah dibentuk melalui UMNO, MIC DAN MCA. Saya juga mengetahui kepentingan perlembagaan terhadap sesebuah negara demi mengelakkan penyalahgunaan kuasa dan mengawal tingkah laku manusia.

- iii. Bab ini telah memberi informasi tentang proses pemimpin negara Malaysia yang berlainan kaum dan agama bekerjasama bagi mencapai kemerdekaan. Kerjasama mereka menyebabkan pihak British yakin dengan negara kita dan mengisyiharkan kemerdekaan. Dengan ini, saya memahami bahawa setiap kaum amat menumpu perhatian terhadap isu ini walaupun berlainan budaya dan agama. Perlembagaan negara pula mengandungi memorandum dari Parti Perikatan yang menggambarkan sikap tolak ansur yang dicapai oleh tiga kaum.
- iv. Setelah belajar bab ini, saya memahami kepentingan perlembagaan dalam sesebuah negara. Segala undang-undang yang terkandung dalam perlembagaan haruslah dipatuhi oleh rakyat demi menjamin kestabilan negara. Oleh itu, saya akan sentiasa menjaga tingkah laku saya agar tidak bertentangan dengan undang-undang yang terkandung dalam perlembagaan.
- v. Saya telah memahami bahawa usaha dan kerjasama daripada orang ramai lebih berkesan daripada usaha diri sendiri. Hal ini telah mengubah pemikiran saya yang sentiasa ingin menyiapkan kerja sendiri tanpa menerima bantuan atau pandangan daripada orang lain. Saya akan cuba untuk bertanya dan meminta bantuan daripada orang lain apabila memerlukan bantuan pada masa yang akan datang.

## REFLEKSI BAB 7: PERANAN ETIKA DAN PERADABAN BUDAYA DAN KOMUNIKASI KONTEMPORARI

i.



- ii. Dalam bab ini, saya telah mempelajari nilai kebebasan bersuara dan mengetahui hak saya untuk menyampaikan pandangan selagi tidak menyentuh isu sensitif dan menggugat kepentingan negara. Saya juga memahami etika yang perlu diamalkan semasa menggunakan media komunikasi kontemporerari seperti menggunakan bahasa yang sopan serta menghindarkan diri daripada isu sentitif. Hiburan hedonistik pula membawa kesan buruk dan harus dipinggirkan dalam kehidupan harian saya.
- iii. Bab ini memberi informasi tentang isu etika penggunaan media komunikasi kontemporerari. Terdapat banyak isu etika yang berlaku di media sosial dan individu dari budaya dan agama yang berlainan turut menjadi mangsa. Oleh itu, saya dapat menerima informasi daripada pelbagai perspektif yang berlainan. Setiap individu

harus menghormati antara satu sama lain dan tidak menyentuh isu sensitif seperti isu perkauman yang akan menyebabkan konflik berlaku disebabkan oleh perbezaan budaya dan agama.

- iv. Setelah mempelajari bab ini, saya telah mengetahui lebih mendalam tentang hak kebebasan bersuara. Dengan ini, saya akan menyuarakan pandangan saya tetapi tidak menyentuh isu-isu sensitif dan menjaga perasaan orang lain. Bagi mengekalkan kestabilan negara pula, saya akan berfikir kesan yang akan dibawa sebelum menyampaikan pendapat saya in media sosial.
- v. Bab ini telah memberi kesan kepada saya setelah saya mempelajari konsep hedonistik. Dalam budaya ini, individu lebih mementingkan keseronokan semata-mata dan kemajuan dari aspek materialistik. Saya juga memahami kesan yang dibawa daripada hiburan hedonistik. Oleh itu, saya perlu berusaha untuk menjauhkan diri daripada hiburan hedonistik yang akan menjelaskan kehidupan harian saya dengan keinginan membeli barang kemewahan.

## REFLEKSI BAB 8: PERANAN ETIKA DAN PERADABAN DALAM MENDOKONG TANGGUNGJAWAB SOSIAL

i.



- ii. Saya telah mempelajari nilai tanggungjawab dalam bab ini. Setiap anggota masyarakat mempunyai tanggungjawab sosial masing-masing dan kita haruslah melaksanakan tanggungjawab tersebut kerana tindakan tersebut akan membawa kesan kepada persekitaran. Nilai kesukarelawan turut diterapkan dalam bab ini di mana saya mengetahui bahawa kita haruslah sentiasa membantu orang lain secara sukarela mengikuti kemampuan diri sendiri.
- iii. Bab ini telah memberi informasi tentang peranan individu yang berbeza dalam menjalankan tanggungjawab sosial masing-masing. Saya dapat memahami bahawa setiap individu haruslah melibatkan diri dalam menjalankan tanggungjawab mereka tanpa mengira budaya dan agama. Hal ini kerana tindakan dan sifat yang baik akan membawa kesan yang baik kepada diri sendiri serta orang lain.

- iv. Melalui bab ini, saya telah mengetahui tanggungjawab sosial yang harus dilaksanakan oleh saya sebagai rakyat atau ahli masyarakat. Contohnya, saya haruslah sentiasa mengamalkan sifat kesukarelawanan untuk membantu orang lain. Saya juga perlu menjaga alam sekitar dengan tidak membuang sampah merata-rata dan menyebabkan pencemaran.
- v. Bab ini mempengaruhi saya dari segi pemikiran agar sentiasa membantu orang lain dan mengamalkan nilai etika yang baik sebagai seorang ahli masyarakat. Sebelum mempelajari bab ini, saya tidak mengetahui tanggungjawab sosial saya dan kepentingan saya melakukan tanggungjawab tersebut. Saya akan bermula melakukan tanggungjawab sosial saya demi mewujudkan masyarakat yang penyayang.

## REFLEKSI BAB 9: CABARAN KETERLESTARIAN ETIKA DAN PERADABAN

i.



ii. Saya telah mempelajari konsep kelestarian yang bermaksud keupayaan mengekalkan sesuatu dalam bab ini. Terdapat pelbagai cabaran keterlestarian etika

dan peradaban dari aspek yang berlainan dan saya haruslah berusaha untuk mengatasinya. Contohnya, saya haruslah mengamalkan nilai cinta akan negara dan tidak mudah dipengaruhi oleh budaya barat.

iii. Bab ini telah memberi informasi tentang isu keterlestarian etika dan peradaban dari pelbagai pandangan. Hal ini kerana setiap negara akan menghadapi cabaran yang sama dan perlu mengambil langkah untuk mengatasinya. Oleh itu, saya boleh mendapat informasi dari perspektif budaya dan agama yang berlainan. Budaya tradisi penting bagi sesebuah negara dan kita haruslah meminggirkan budaya barat.

- iv. Saya telah mengetahui strategi dan langkah keterlestarian etika dan peradaban yang boleh diamalkan oleh saya dalam membantu merealisasikan matlamat ini. Contohnya, saya perlu menjunjung tinggi budaya ilmu, nilai-nilai moral, akhlak dan integriti dengan tidak melakukan tindakan yang salah dari sudut moral. Saya juga memahami bahawa saya tidak harus melaksanakan tindakan yang akan mencemarkan alam sekitar.
- v. Bab ini telah memberi kesan kepada saya kerana saya akan lebih menghayati kelima-lima prinsip rukun negara yang merupakan tunggak penting dalam membentuk sebuah negara yang beretika. Saya juga akan mengamalkan fikiran dan sikap yang positif terhadap etika dan peradaban.

## **REFLEKSI KESELURUHAN: PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN**

Setelah mempelajari subjek ‘Penghayatan Etika dan Peradaban’, saya telah mengetahui banyak nilai yang harus diamalkan oleh saya agar dapat membantu dalam membentuk masyarakat dan negara yang beretika. Sebagai seorang ahli masyarakat saya tidak harus mengabaikan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh saya dan perlulah sentiasa bersedia untuk membantu orang berdasarkan kemampuan saya. Selain itu, sebagai seorang rakyat Malaysia, saya akan sentiasa menghormati budaya dan adat resam kaum lain demi mengukuhkan perpaduan negara. Sebenarnya, terdapat banyak nilai dan ilmu baru yang dapat diperolehi oleh saya jika saya berusaha untuk memahami dan menghayati budaya kaum lain. Dengan melalui cara ini, saya juga dapat mengelakkan perselisihan faham berlaku dan mengekalkan kemerdekaan negara yang telah diperjuangkan oleh pemimpin negara. Seterusnya, saya juga mengetahui bahawa saya mempunyai kebebasan bersuara untuk mengemukakan pandangan saya tetapi saya perlu sentiasa menjaga perasaan orang lain dan tidak menyentuh isu sensitif. Segala tingkah laku saya adalah dikawal oleh undang-undang yang terkandung dalam perlumbagaan dan saya perlu sentiasa mematuhiinya. Saya amat bersyukur kerana melalui subjek ini saya telah mengetahui tindakan yang harus dilakukan oleh saya sebagai seorang rakyat, pelajar dan anak. Dengan ini, saya akan mengamalkan nilai-nilai etika yang telah dipelajari dalam subjek ini seperti amanah, tolong-menolong, meraikkan tetamu dan bertanggungjawab untuk menjalankan tanggungjawab saya. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr Ana Haziqah dan rakan-rakan sekalian yang telah menolong saya sepanjang semester ini.